

**BUKU  
ABSTRAK  
LANJUTAN**

# **KOLOKIUUM SISWAZAH LESTARI 2023**

---

**PENYELIDIKAN  
CEMERLANG,  
ASPIRASI  
NEGARA.**



---

**INSTITUT ALAM SEKITAR DAN  
PEMBANGUNAN (LESTARI)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM )**

**T : 03 8921 4149**  
E : [siswazah\\_lestari@ukm.edu.my](mailto:siswazah_lestari@ukm.edu.my)

**PENYUNTING: KU ADRIANI KU AYOB & MOHD FUAD TEPIT**

# KATA ALUAN PENGARAH

Salam sejahtera.

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan Kolokium Siswazah LESTARI (KSL) hampir dua dekad sejak penubuhan institut ini. Objektif utama penganjuran KSL adalah untuk memberi peluang kepada pelajar siswazah berkongsi hasil penyelidikan serta perkembangan penyelidikan mereka dengan semua warga LESTARI. KSL dilihat sebagai satu platform untuk membangun keupayaan serta melatih pelajar mengukuhkan kemahiran penyelidikan dan komunikasi.

Melalui platform ini, pelajar dapat menerima input dan komen daripada para akademik terhadap hasil penyelidikan yang diperolehi melalui kajian mereka. Input ini adalah penting untuk menambahbaik dan meningkatkan kefahaman mereka mengenai kaedah penyelidikan yang dijalankan di samping meningkatkan keyakinan mereka dalam usaha menyebarkan hasil dan maklumat penyelidikan. KSL ini juga dapat mengukuhkan lagi kapasiti dan keterampilan pelajar dalam membentang, menganalisis dan berhujah mengenai penyelidikan yang dilaksanakan.

Selaras dengan aspirasi dan falsafah pendidikan negara, KSL merupakan salah satu inisiatif penting dalam melahirkan siswazah yang berwibawa dalam menjalankan penyelidikan yang memberi impak khususnya kepada komuniti akademik serta masyarakat umum secara keseluruhannya.

Akhir kata, diharapkan para pelajar LESTARI menggunakan platform KSL dengan optimum dan menggunakan peluang yang ada untuk berkongsi dan menerima maklum balas daripada felo penyelidik di LESTARI dan rakan-rakan seperjuangan demi memastikan penyelidikan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**Professor Madya ChM. Dr. Goh Choo Ta**

Pengarah

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

# PRAKATA

Kolokium Siswazah LESTARI (KSL) merupakan satu platform penting untuk pelajar siswazah berkongsi pengetahuan mengenai penyelidikan mereka di samping mendapat maklumbalas untuk tujuan penambahbaikan. Setelah hampir tiga tahun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19, KSL 2023 kembali diadakan secara fizikal untuk memastikan penglibatan secara langsung semua warga LESTARI.

“Penyelidikan Cemerlang, Aspirasi Negara” merupakan tema untuk KSL 2023 yang menyoroti bagaimana penyelidikan berkualiti dan inovatif dapat memainkan peranan utama dalam menyelesaikan cabaran-cabaran semasa dan merangkul aspirasi untuk masa depan yang lebih baik.

KSL 2023 menyaksikan keterlibatan 18 orang pelajar siswazah merangkumi semua pusat penyelidikan di LESTARI. Buku Abstrak Lanjutan ini memaparkan koleksi abstrak peserta yang bakal membentangi dalam KSL 2023. Diharapkan melalui KSL 2023, para peserta dapat mencipta pengalaman dan persekitaran yang mempromosikan ilmu, pemahaman tentang kandungan penyelidikan dengan lebih baik dan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Akhir kata, terima kasih kepada semua felo akademik LESTARI, para pegawai dan kakitangan LESTARI yang sama-sama menjayakan KSL 2023.

Sekian, terima kasih.

**Gs. Dr. Nurfashareena Binti Muhamad**  
Pengerusi  
Kolokium Siswazah LESTARI 2023

# ISI KANDUNGAN

<b>Jadual Kolokium</b>	<b>3</b>
<b>Abstrak Lanjutan Pembentang</b>	
<b>P1 Nurul Ain Zulhaimi   P114966   Doktor Falsafah</b> <i>Pembentukan Kerangka Daya Tahan Terhadap Bahaya Berkaitan Iklim di Wilayah Persekutuan Labuan</i>	<b>6</b>
<b>P2 Siti Morni Umor   P103706   Doktor Falsafah</b> <i>Keperntingan Penilaian Impak Pengoperasian Stesen Pemantauan Kualiti Air dalam Usaha Menangani Masalah Gangguan Bekalan Air yang disebabkan oleh Insiden Pencemaran Air Sungai di Lembangan Sungai Langat, Selangor</i>	<b>9</b>
<b>P3 Chong Hwei Teeng   P109634   Doktor Falsafah</b> <i>Mobile Virtual Reality Usability Model for Culture Heritage Sustainability Development</i>	<b>13</b>
<b>P4 Wang Rui   P102374   Doktor Falsafah</b> <i>Sustainability Governance Framework for Malaysia-China Palm Oil Supply Chain Under the Green Belt and Road Initiative</i>	<b>17</b>
<b>P5 Zhong Zhaodong   P118022   Doktor Falsafah</b> <i>Identify Urban Sustainability Indicators of Urban Road Traffic Network and Urban Land Use</i>	<b>20</b>
<b>P6 Dayang Nor Izan Abang Halil   P114227   Doktor Falsafah</b> <i>Climate Hazard-Human Mobility Nexus</i>	<b>24</b>
<b>P7 Asma' Jamal   P107390   Doktor Falsafah</b> <i>Ecosystem Services and Disservices of Mangrove Forests in Kuala Selangor: Exploration Towards Achieving United Nation Agenda 2030 for Sustainable Development</i>	<b>28</b>
<b>P8 Suhailah Shamsudin   P115954   Doktor Falsafah</b> <i>Jenis Perilaku Alam Sekitar dan Keinginan untuk Menyertai Inisiatif Pembersihan Sungai: Peranan Bank Masa Sebagai Penyederhana</i>	<b>33</b>
<b>P9 Jeremy Jason Chin Chwan Chuong   P118359   Sarjana</b> <i>Development of DNA Biosensor as Early Warning System for Harmful Algal Bloom (HAB) Detection: A Case Study in Tumpat, Kelantan</i>	<b>38</b>
<b>P10 Ainul Rasyidah Ab Rahim   P106520   Doktor Falsafah</b> <i>Institutionalising Wastewater Reclamation and Reuse in Achieving Water Security in Malaysia</i>	<b>42</b>

<b>P11</b>	<b>Noor Zarina Mohd Nazir   P106519   Doktor Falsafah</b> <i>Mobile Constructed Wetland Coupling with Sewage Treatment Plant as Sustainable Wastewater Reclamation Means for Water Security in Selangor</i>	<b>45</b>
<b>P12</b>	<b>Siti Khadijah Imam Supaat   P115825   Doktor Falsafah</b> <i>Mengarus Perdana Pembangunan Lestari di UKM: Penentuan Elemen-Elemen Asas Pembangunan Lestari</i>	<b>48</b>
<b>P13</b>	<b>Ellena A/P John   P116173   Sarjana</b> <i>Mobile Game as an Intervention on Beach Sustainability Awareness for Preschoolers</i>	<b>52</b>
<b>P14</b>	<b>Nik Azyati Abdul Kadir   P103373   Sarjana</b> <i>Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Penjawat Awam sebagai Pelaksana Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar: Kajian Kes di Lapan Agensi Kerajaan Terpilih di Kuala Lumpur dan Selangor</i>	<b>56</b>
<b>P15</b>	<b>Gianini Sonnevil   P108253   Sarjana</b> <i>Komponen Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) dalam “Modul Tematik, Prakarya dan Budaya Melayu Riau Berbasis Muatan Lokal Kuantan Singingi”</i>	<b>60</b>
<b>P16</b>	<b>Nadiah Ibrahim   P110052   Doktor Falsafah</b> <i>Pembangunan Biosensor Elektrokimia Berasaskan DNA G-Kuadrupleks Telomerik Manusia sebagai Ujian Berdekatan Pesakit (POC) untuk Pengesanan RNA Virus SARS-CoV-2</i>	<b>63</b>
<b>P17</b>	<b>Intan Nuramera Yusaini   P115841   Sarjana</b> <i>PM<sub>2.5</sub> Composition and Health Impact Assessment of Low-Cost Residential Inhabitants in Kuala Lumpur</i>	<b>66</b>
<b>P18</b>	<b>Asraf M.M. Zohud   P110470   Doktor Falsafah</b> <i>Assessment of Physico-Chemical and Biological Parameters of Groundwater in Northern West Bank, Palestine and Management of Groundwater Sources</i>	<b>69</b>
	<b>Penghargaan</b>	<b>74</b>
	<b>Senarai Ahli Jawatankuasa Kolokium Siswazah LESTARI 2023</b>	<b>74</b>



**KOLOKIUUM SISWAZAH LESTARI 2023**  
**11-12 OKTOBER 2023**  
**BILIK KULIAH UTAMA LESTARI**

**11 OKTOBER 2023 (RABU)**

WAKTU		PERKARA
8.30-9.00 pagi		Pendaftaran
9.00-9.10 pagi		Ucapan Aluan Pengarah LESTARI
9.10-9.20 pagi		Taklimat Pengerusi Kolokium Gs. Dr. Nurfashareena Muhamad
<b>SESI 1</b> <b>9.20-10.45 pagi</b>		<b>Moderator : Dr. Minhaz Farid Ahmed</b> <b>Penilai : 1. Prof. Ts. Dr. Lee Khai Ern</b> <b>2. Prof. Madya Dr. Tanot Unjah</b> <b>3. Dr. Ahmad Aldrie Amir</b>
P1	9.30-9.55 pagi	Nurul Ain Zulhaimi (P114966) Doktor Falsafah
P2	9.55-10.20 pagi	Siti Morni Umor (P103706) Doktor Falsafah
P3	10.20-10.45 pagi	Chong Hwei Teeng (P109634) Doktor Falsafah
<b>SESI 2</b> <b>10.45-12.10 t/hari</b>		<b>Moderator : Dr. Minhaz Farid Ahmed</b> <b>Penilai : 1. Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman</b> <b>2. Prof. Madya ChM. Dr Goh Choo Ta</b> <b>3. Dr. Mir Sujaul Islam</b>
P4	10.55-11.20 t/hari	Wang Rui (P102374) Doktor Falsafah
P5	11.20-11.45 t/hari	Zhong Zhaodong (P118022) Doktor Falsafah
P6	11.45-12.10 t/hari	Dayang Nor Izan Abang Halil (P114227) Doktor Falsafah
12.10-12.40 t/hari		<b>Ucuptama</b> <b>Prof. Emeritus ChM. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar</b>
12.40-2.00 petang		<b>Sambutan dan Jamuan Ulangtahun LESTARI ke 29 Tahun</b>
<b>SESI 3</b> <b>2.00-3.25 petang</b>		<b>Moderator : Dr. Aida Soraya Shamsuddin</b> <b>Penilai : 1. Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira</b> <b>2. Ts. Dr. Lim Chen Kim</b> <b>3. Gs. Dr. Nurfashareena Muhamad</b>
P7	2.10-2.35 petang	Asma' Jamal (P107390) Doktor Falsafah
P8	2.35-3.00 petang	Suhailah Shamsudin (P115954) Doktor Falsafah
P9	3.00-3.25 petang	Jeremy Jason Chin Chwan Chuong (P118359) Sarjana

<b>SESI 4</b> <b>3.25-4.50 petang</b>		<b>Moderator : Dr. Aida Soraya Shamsuddin</b> <b>Penilai : 1. Prof. Madya Dr. Saiful Arif Abdullah</b> <b>2. Prof. Madya ChM. Dr. Tan Ling Ling</b> <b>3. Dr. Aziemah Zulkifli</b>
P10	3.35-4.00 petang	Ainul Rasyidah Ab Rahim (P106520) Doktor Falsafah
P11	4.00-4.25 petang	Noor Zarina Mohd Nazir (P106519) Doktor Falsafah
P12	4.25-4.50 petang	Siti Khadijah Imam Supaat (P115825) Doktor Falsafah
4.50 petang		Bersurai

## 12 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

MASA		PERKARA
8.30-9.00 pagi		Pendaftaran
<b>SESI 5</b> <b>9.00-10.25 pagi</b>		<b>Moderator : Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim</b> <b>Penilai : 1. Prof. Dr. Ahmad Fariz Mohamed</b> <b>2. Ts. Dr. Murnira Othman</b> <b>3. Gs. Dr. Nuriah Abd Majid</b>
P13	9.10-9.35 pagi	Ellena A/P John (P116173) Sarjana
P14	9.35-10.00 pagi	Nik Azyati Abdul Kadir (P103373) Sarjana
P15	10.00-10.25 pagi	Gianini Sonnevil (P108253) Sarjana
<b>SESI 6</b> <b>10.25-11.50 pagi</b>		<b>Moderator : Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim</b> <b>Penilai : 1. Prof. Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria</b> <b>2. Dr. Rospidah Ghazali</b> <b>3. Dr. Nor Diana Mohd Idris</b>
P16	10.35-11.00 pagi	Nadiah Ibrahim (P110052) Doktor Falsafah
P17	11.00-11.25 pagi	Intan Nuramera Yusaini (P115841) Sarjana
P18	11.25-11.50 pagi	Asraf M.M. Zohud (P110470) Doktor Falsafah
<b>11.50-12.50 t/hari</b>		<b>Mesyuarat JK Pelajar</b>
12.50-2.00 petang		Rehat
2.30-2.45 petang		Rumusan - Wakil pelajar LESTARI
2.45-3.00 petang		Rumusan - Pengerusi Kolokium
3.00-3.30 petang		Penyampaian Hadiah/Sijil - peserta terbaik Abstrak Lanjutan Kategori Sarjana - peserta terbaik Abstrak Lanjutan Kategori Doktor Falsafah (PhD) - peserta terbaik Kategori Sarjana - peserta terbaik Kategori Doktor Falsafah (PhD)
3.30-4.00 petang		Ucapan penutup oleh Timbalan Pengarah LESTARI
4.00 petang		Bersurai



# **Abstrak Lanjutan Pembentang**



## PEMBENTUKAN KERANGKA DAYA TAHAN TERHADAP BAHAYA BERKAITAN IKLIM DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

*Nurul Ain Zulhaimi | P114966 | Doktor Falsafah*

Penyelia:

*Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira  
Gs. Dr. Nurfashareena Muhamad*

### 1. PENGENALAN

Perubahan iklim merupakan cabaran global yang telah mencetuskan ketidaktentuan dan mengancam sistem semulajadi dan manusia. Antara cabaran tersebut adalah kekerapan dan intensiti kejadian bahaya berkaitan iklim yang berlaku. Salah satu kawasan yang mudah terancam kesan daripada bahaya berkaitan iklim ialah pulau kerana faktor geografi pulau, saiz, isolasi, dan kebergantungan kepada sumber semula jadi (Rovisham & Doorga 2022). Masyarakat di pulau menghadapi risiko bahaya iklim seperti kenaikan aras air laut, pusuan ribut, hakisan pantai, gelombang haba dan ribut taufan. Setiap kejadian bahaya ini memberi kesan terhadap ekosistem, ekonomi, kesihatan dan sosial. Sejalan dengan itu, sebuah kerangka daya tahan adalah amat diperlukan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dalam menangani kesan bahaya berkaitan iklim.

### 2. PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTON KAJIAN

Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) menghadapi kesan perubahan iklim melalui ancaman kenaikan paras laut, banjir, ribut dan hakisan pantai. Rentetan kejadian bahaya berkaitan iklim ini boleh memberi ancaman kepada sistem sosial, ekonomi dan persekitaran (Currenti et al. 2019; Griggs & Reguero 2021). Kedudukan geografi WP Labuan yang terpencil, kelemahan dan kebergantungan kepada pengangkutan udara dan air merupakan antara cabaran WP Labuan dalam menghadapi bahaya berkaitan iklim. Terdapat inisiatif meningkatkan daya tahan yang dijalankan, namun keberkesanannya masih tidak jelas kerana ketiadaan rangka kerja daya tahan yang komprehensif yang memenuhi keperluan spesifik di pulau. Ini boleh menyumbang kepada kesan sosial dan ekonomi WP Labuan kerana kebergantungan ekonomi Labuan kepada perkhidmatan kewangan dan perbankan serta pelancongan. Justeru, kajian ini cuba membentuk sebuah kerangka daya tahan yang mengambil kira semua aspek penting dalam menghadapi bahaya berkaitan iklim. Dalam pembinaan kerangka daya tahan, penilaian kemudahterancaman perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti komuniti dan kawasan yang terancam (Huynh & Stringer 2018) bagi memastikan kecekapan langkah penyelamatan, pencegahan dan perlindungan dapat difokuskan kepada kawasan yang sepatutnya. Proses penilaian kemudahterancaman ini dimulakan dengan mengenalpasti jenis – jenis bahaya berkaitan iklim yang berlaku di sesuatu kawasan. Penilaian kemudahterancaman juga perlu bersifat spesifik dalam konteks lokal kerana perbezaan sosio-ekonomi dan ciri-ciri kesan yang diterima daripada bahaya iklim (Umamaheswari et al. 2021).

Kajian lepas banyak menggambarkan kemudahterancaman pulau terhadap bahaya berkaitan iklim dan kepentingan mengenal pasti tahap kemudahterancaman serta membina daya tahan

yang bersesuaian (Almutairi et al. 2020; Hoque et al. 2019). Penilaian kemudahterancaman merangkumi pelbagai dimensi seperti sosial, ekonomi, persekitaran dan fizikal. Komponen yang terangkum dalam kemudahterancaman adalah keterdedahan, sensitiviti dan kapasiti beradaptasi (Alves et al. 2021; Nguyen et al. 2019). Kapasiti beradaptasi juga merupakan satu komponen di bawah daya tahan selain daripada impak dan bencana. Satu set kriteria – kriteria yang boleh mengukur kemudahterancaman dan daya tahan terhadap bahaya berkaitan iklim perlu dikenal pasti sebelum penilaian dapat dijalankan. Oleh yang demikian, sebuah kerangka daya tahan yang memenuhi semua kriteria dapat digunakan untuk pihak berkepentingan bagi mengesan langkah sewajarnya ke arah mencapai masyarakat yang berdaya tahan.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai tiga objektif yang memfokuskan pada pembentukan kerangka daya tahan bencana iklim. Namun yang demikian, bagi pembentangan kolokium, objektif yang dibentangkan adalah objektif pertama iaitu mengenal pasti kriteria bagi kemudahterancaman dan daya tahan terhadap bahaya berkaitan iklim.

### **4. KAEDAH KAJIAN**

Kaedah yang digunakan bagi memenuhi objektif ini adalah analisis kandungan. Dokumen-dokumen yang dipilih secara pensampelan bertujuan merangkumi dasar, polisi, garis panduan berkaitan pembangunan, pemajuan, alam sekitar dan perubahan iklim WP Labuan. Dengan menggunakan ATLAS.ti, analisis kandungan digunakan dimulakan dengan menetapkan objektif, mengumpulkan dokumen berkaitan, membentuk kod, memahami dokumen bagi mengekstrakkan kriteria, pengkodan data (Bengtsson 2016; Hsieh & Shannon 2005) serta mengkategorikan kod-kod yang mengandungi kriteria kemudahterancaman, daya tahan serta mengenalpasti jenis dan kejadian bahaya berkaitan iklim di WP Labuan.

### **5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Bahaya berkaitan iklim yang dikenalpasti di WP Labuan melalui analisis kandungan, terdiri daripada banjir kilat, hakisan pantai, ribut petir dan kenaikan paras air laut. Untuk kemudahterancaman, tiga komponen yang utama adalah keterdedahan, sensitiviti dan kapasiti beradaptasi. Bagi komponen keterdedahan, kriteria yang dikenalpasti jenis bahaya, lokasi geografi dan topografi, frekuensi dan intensiti bahaya. Kriteria bagi komponen sensitiviti pula adalah demografi populasi dan kebergantungan ekonomi kepada sumber asli pulau. Seterusnya, kapasiti beradaptasi merangkumi kriteria akses kepada utiliti asas seperti air, tenaga, sisa kumbahan dan pengurusan sisa pepejal. Selain itu, kriteria lain adalah jaringan pengangkutan, perumahan dan jenis guna tanah, akses kepada maklumat bahaya, pendidikan dan kesedaran, status kesihatan, pemilikan kediaman, pemilikan aset fizikal dan kepelbagaian sumber pendapatan. Bagi aspek daya tahan, kriteria bagi komponen impak adalah jenis dan intensiti impak yang diambil kira selepas komponen bencana dikenalpasti. Seterusnya, kriteria bagi kapasiti beradaptasi ialah keperluan asas, perumahan dan jenis guna tanah, status kesihatan dan pendidikan, penyertaan dalam komuniti serta kepelbagaian sumber pendapatan. Kriteria-kriteria ini adalah sama dengan kriteria kapasiti beradaptasi bagi kemudahterancaman. Kriteria lain yang dikenalpasti adalah struktur populasi merangkumi kadar pertumbuhan, penduduk setinggan dan kepadatan. Manakala bagi kriteria tambahan bagi daya tahan adalah infrastruktur dan bangunan, kesedaran dan persediaan komuniti,

sistem amaran awal dan fleksibiliti ekonomi serta rangka kerja tadbir urus dan dasar daripada kerajaan pusat dan tempatan. Kriteria-kriteria bagi kedua-dua kemudahterancaman dan daya tahan ini dapat dikategorikan kepada sosial, fizikal, ekonomi, kesihatan, persekitaran dan urus tadbir.

## 6. KESIMPULAN

Pembentukan kerangka daya tahan yang komprehensif terhadap ancaman bahaya berkaitan iklim di WP Labuan adalah diperlukan bagi memastikan impak yang diterima boleh diminimumkan dan penduduk yang terlibat segera pulih serta mempunyai keupayaan untuk bangkit semula. Kriteria-kriteria kemudahterancaman dan daya tahan yang dikenalpasti dapat diaplikasikan dalam proses seterusnya iaitu menilai tahap kemudahterancaman dan pembentukan kerangka daya tahan terhadap bencana iklim.

## 7. RUJUKAN

- Almutairi, A., Mourshed, M. & Ameen, R.F.M. 2020. *Coastal community resilience frameworks for disaster risk management. Natural Hazards*. Vol. 101. Springer Netherlands.
- Alves, P.B.R., Djordjević, S. & Javadi, A.A. 2021. An integrated socio-environmental framework for mapping hazard-specific vulnerability and exposure in urban areas. *Urban Water Journal* 18(7): 530–543.
- Bengtsson, M. 2016. How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open* 2: 8–14.
- Currenti, R., Pearce, T., Salabogi, T., Vuli, L., Salabogi, K., Doran, B., Kitson, R. & Ford, J. 2019. Adaptation to Climate Change in an Interior Pacific Island Village: a Case Study of Nawairuku, Ra, Fiji. *Human Ecology* 47(1): 65–80.
- Griggs, G. & Reguero, B.G. 2021. Coastal adaptation to climate change and sea-level rise. *Water (Switzerland)* 13(16).
- Hoque, M.Z., Cui, S., Xu, L., Islam, I., Tang, J. & Ding, S. 2019. Assessing agricultural livelihood vulnerability to climate change in coastal Bangladesh. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 16(22).
- Hsieh, H.F. & Shannon, S.E. 2005. Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research* 15(9): 1277–1288.
- Huynh, L.T.M. & Stringer, L.C. 2018. Multi-scale assessment of social vulnerability to climate change: An empirical study in coastal Vietnam. *Climate Risk Management* 20(June 2017): 165–180.
- Nguyen, K.A., Liou, Y.A. & Terry, J.P. 2019. Vulnerability of Vietnam to typhoons: A spatial assessment based on hazards, exposure and adaptive capacity. *Science of the Total Environment* 682: 31–46.
- Rovisham, J. & Doorga, S. 2022. Climate change and the fate of small islands : The case of Mauritius. *Environmental Science and Policy* 136(June): 282–290.
- Umamaheswari, T., Sugumar, G., Krishnan, P., Ananthan, S., Anand, A., Joyson, J., Jeevamani, J., Somashekarappa, R., Amali, J. & Srinivasa, C. 2021. Vulnerability assessment of coastal fishing communities for building resilience and adaptation : Evidences from Tamil Nadu , India. *Environmental Science and Policy* 123(June 2020): 114–130.

# KEPENTINGAN PENILAIAN IMPAK PENGOPERASIAN STESEN PEMANTAUAN KUALITI AIR DALAM USAHA MENANGANI MASALAH GANGGUAN BEKALAN AIR YANG DISEBABKAN OLEH INSIDEN PENCEMARAN AIR SUNGAI DI LEMBANGAN SUNGAI LANGAT, SELANGOR

*Siti Morni Umor | P103706 | Doktor Falsafah*

Penyelia

*Prof. Madya ChM. Dr. Goh Choo Ta*

*Prof. Emeritus Dato' ChM. Dr. Mazlin bin Mokhtar*

## 1. PENGENALAN

Penilaian impak merupakan suatu proses untuk menilai kesan dan akibat sesuatu aktiviti dan program bagi memastikan sumber air yang bersih dan selamat mencukupi. Rangkaian stesen pemantauan kualiti air yang telah beroperasi harus disemak dan dikaji semula secara berkala selepas jangka masa tertentu untuk menilai pencapaian objektif (Lee et al. 2013; Ouyang 2005; YILMAZ & Özçelik 2018). Hasil penilaian akan membantu penambahbaikan pengoperasian, atau membangun semula reka bentuk rangkaian stesen pemantauan yang lebih baik (Mavukkandy et al. 2014) yang merupakan salah satu strategik bagi mendiagnosis kelemahan dan kelebihan untuk perancangan intervensi yang bertepatan untuk memulih sungai tercemar (Bastidas et al. 2017). Kajian ini akan melibatkan penilaian semula ketepatan lokasi stesen persampelan, kesesuaian pemilihan parameter dan kekerapan persampelan (Lee et al. 2013; Ouyang 2005; Yenilmez et al. 2015; YILMAZ & Özçelik 2018).

Peruntukan kos pengurusan air yang terhad merupakan cabaran dalam melaksanakan program pemantauan kualiti air yang berkesan terutama di kawasan lembangan sungai yang luas, oleh itu kajian penilaian impak diperlukan untuk memastikan objektif program yang optimum (Fang et al. 2019; Sabzipour et al. 2019a, 2019b; Yenilmez et al. 2015; YILMAZ & Özçelik 2018). Kekangan sumber kewangan di negara membangun seperti Malaysia menjadi salah satu punca rangkaian stesen pemantauan tidak mencukupi di kawasan tadahan (Camara et al. 2020). Melalui kajian ini dapat memahami dan menentukan prestasi keseluruhan rangkaian stesen pemantauan sedia ada, dan maklumat tersebut boleh digunakan dalam menentukan hala tuju dan perancangan pengurusan sumber air dan insiden pencemaran air sungai di masa depan dengan lebih berkesan (Fang et al. 2019; Sabzipour et al. 2019a; Yenilmez et al. 2015).

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTAN KAJIAN

Isu pencemaran air sungai sehingga mengakibatkan gangguan bekalan air di Malaysia telah berlaku berulang kali dan semakin kerap sejak beberapa tahun kebelakangan terutama di negeri Selangor walaupun terdapat program pemantauan kualiti air sungai yang komprehensif dan menyeluruh (Ahmed et al. 2022). Ini mungkin disebabkan proses pemantauan kualiti air yang kompleks dan terlalu banyak aspek perlu diambil kira untuk pengurusan yang tepat dan berkesan (Moriken & Camara n.d.; Villas-Boas et al. 2017). Oleh itu terdapat keperluan untuk kajian penilaian impak keberkesanan pengoperasian rangkaian

stesen pemantauan kualiti air sedia ada bagi menilai pencapaian objektif dan mengukur fungsi stesen pemantauan sebagai alat pemberi amaran awal sekiranya berlaku sebarang insiden pencemaran air sungai.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian asal penyelidikan ini mempunyai empat objektif utama yang ditentukan bagi menyediakan salah satu solusi bagi menangani isu gangguan bekalan air akibat pencemaran air sungai. Namun begitu, untuk tujuan pembentangan kolokium kali ini hanya fokus kepada objektif kedua iaitu menilai impak dan keberkesanan pengoperasian rangkaian stesen pemantauan kualiti air sedia ada (manual dan automatik) dari aspek kesesuaian pemilihan lokasi stesen, parameter pengukuran dan kekerapan persampelan.

### 4. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan data stesen pemantauan kualiti air manual (36 stesen) dan automatik (5 stesen) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Analisis ini turut menggunakan data 12 lokasi Loji Rawatan Air (LRA) dan 47 data kes insiden pencemaran air sungai di Lembangan Sungai Langat yang telah mengakibatkan gangguan bekalan air atau berisiko tinggi mencemar LRA bagi tahun 2016 sehingga 2022. Data kes mahkamah yang telah selesai bicara berkaitan kes pencemaran air sungai juga digunakan sebagai data sokongan untuk menyokong dapatan dan analisis yang dijalankan. Analisis spatial jarak antara stesen-stesen menggunakan *proximity "near" tools* dilakukan untuk mengenal pasti stesen-stesen pemantauan yang mempunyai pertindihan kawasan pemantauan berdasarkan jarak terdekat antara stesen. Analisis *Kernel Density* dilakukan bagi pemetaan kawasan *hotspot* insiden pencemaran, dan kawasan risiko tinggi mencemar berdasarkan aktiviti guna tanah. Analisis *overlay* antara stesen pemantauan manual, peta *hotspot* dan risiko mencemar digunakan untuk kenal pasti stesen yang berada di kawasan kurang kritikal pemantauan. Analisis statistik data kualiti air stesen pemantauan dilakukan untuk melihat perubahan corak data dan kesamaan hasil cerapan. Analisis jarak antara stesen pemantauan automatik dengan LRA juga dilakukan untuk menentukan jarak paling sesuai dan pratikal bagi pemilihan lokasi stesen pemantauan automatik pertama di hulu LRA sebagai perisai terakhir untuk mencegah sebarang pencemaran sampai di LRA, dan selain itu menentukan jarak yang strategik untuk penempatan stesen-stesen automatik sebagai alat untuk memberi amaran awal pengesanan pencemaran air sungai di lapangan agar stesen dapat berfungsi dengan tepat dan berkesan.

### 5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis spatial jarak antara stesen-stesen pemantauan manual mendapati terdapat 26 stesen mempunyai jarak kurang daripada 3km, dan 9 stesen mempunyai jarak antara stesen dalam lingkungan 3km hingga 10km. Kajian ini mengklasifikasikan stesen yang mempunyai jarak antara stesen kurang daripada 3km sebagai stesen yang mempunyai pertindihan kawasan pemantauan kerana pada jarak berkenaan menghasilkan pengumpulan data yang serupa dan tidak memberi informasi tambahan yang signifikan. Ini bermakna terdapat 12 stesen yang diklasifikasikan berada di kawasan bertindih pemantauan dan perlu semakan semula ketepatan pemilihan lokasi untuk penggunaan sumber yang optimum. Analisis stesen diluar kawasan *hotspot* mendapati terdapat 13 stesen (36.11%) berada di luar kawasan *hotspot* insiden pencemaran. Manakala 17 (47.22%) daripada 36 stesen pemantauan berada



di luar kawasan mencemar berdasarkan aktiviti guna tanah. Daripada analisis ini juga didapati terdapat sebanyak 7 stesen yang dikenalpasti berada di luar kawasan kritikal pemantauan dan perlu semakan semula ketepatan lokasi persampelan. Stesen tersebut adalah 2BCHU001, 2BGLT006, 2BGLT015, 2BGLT026, 2BGLT027, 2BGLT028, dan 2BGLT030.

Analisis spatial jarak antara stesen-stesen pemantauan automatik dengan lokasi LRA juga dilakukan untuk menentukan jarak sesuai penempatan stesen pemantauan automatik pertama di hulu LRA supaya dapat mengesan pencemaran diperingkat awal dan tindakan kawalan dan rawatan pencemaran dapat dilakukan segera sebelum sampai di LRA. Hasil kajian mendapati jarak yang paling ideal antara 10km hingga 11km. Ia berdasarkan pada analisis kajian kes insiden pencemaran air sungai sebenar yang telah dapat dikesan oleh stesen pemantauan automatik, namun masih berlaku gangguan bekalan air pada masa tersebut.

## 6. KESIMPULAN

Hasil kajian membuktikan analisis impak penting dan telah berjaya mengesan beberapa stesen yang perlu dikaji semula ketepatan lokasi penempatan stesen untuk pengurusan kualiti air yang lebih berkesan. Penilaian impak wajar dilakukan secara berkala untuk tempoh tertentu bagi memastikan kebolehpercayaan data cerapan sentiasa terjamin dan relevan. Berdasarkan hasil analisis, kajian ini mencadangkan untuk pembangunan satu rangka kerja dan panduan kaedah penilaian impak dan keberkesanan stesen pemantauan dalam skop penentuan lokasi, kekerapan masa cerapan, dan parameter pengukuran kualiti air. Ini penting untuk meningkatkan keberkesanan fungsi rangkaian stesen pemantauan.

## 7. RUJUKAN

- Ahmed, M.F., Mokhtar, M. Bin, Lim, C.K. & Majid, N.A. 2022. Identification of Water Pollution Sources for Better Langat River Basin Management in Malaysia. *Water (Switzerland)* 14(12)
- Bastidas, J.C., Vélez, J.J., Zambrano, J. & Londoño, A. 2017. Design of water quality monitoring networks with two information scenarios in tropical Andean basins. *Environmental Science and Pollution Research* 24(25): 20134–20148.
- Camara, M., Jamil, N.R., Abdullah, A.F. Bin, Hashim, R. binti & Aliyu, A.G. 2020. Economic and efficiency based optimisation of water quality monitoring network for land use impact assessment. *Science of the Total Environment* 737
- Fang, H. yuan, Gan, S. wei & Xue, C. ying. 2019. Evaluation of regional water resources carrying capacity based on binary index method and reduction index method. *Water Science and Engineering* 12(4): 263–273.
- Lee, J.H., Song, Y.H., Hong, S., Kim, D., Lee, S. & Park, M.J. 2013. Evaluation of Water Quality Monitoring Network in Geum River System Using Entropy Theory. *Journal of Korean Society of Hazard Mitigation* 13(6): 447–453.
- Mavukkandy, M.O., Karmakar, S. & Harikumar, P.S. 2014. Assessment and rationalization of water quality monitoring network: a multivariate statistical approach to the Kabbini River (India). *Environmental Science and Pollution Research* 21(17): 10045–10066.
- Moriken, C. & Camara, M. (t.th.). Assessment of environmental impact of population pressure and land use activities Water quality and monitoring network View project Land use; Water quality; Monitoring network View project Assessment of environmental impact of population pressure and land use activities. *International*



- Ouyang, Y. 2005. Evaluation of river water quality monitoring stations by principal component analysis. *Water Research* 39(12): 2621–2635.
- Sabzipour, B., Asghari, O. & Sarang, A. 2019a. Evaluation and optimal redesigning of river water-quality monitoring networks (RWQMN) using geostatistics approach (case study: Karun, Iran). *Sustainable Water Resources Management* 5(2): 439–455.
- Sabzipour, B., Asghari, O. & Sarang, A. 2019b. Evaluation and optimal redesigning of river water-quality monitoring networks (RWQMN) using geostatistics approach (case study: Karun, Iran). *Sustainable Water Resources Management* 5(2): 439–455.
- Villas-Boas, M.D., Olivera, F. & de Azevedo, J.P.S. 2017. Assessment of the water quality monitoring network of the Piabanha River experimental watersheds in Rio de Janeiro, Brazil, using autoassociative neural networks. *Environmental Monitoring and Assessment* 189(9): 439.
- Yenilmez, F., Düzgün, S. & Aksoy, A. 2015. An evaluation of potential sampling locations in a reservoir with emphasis on conserved spatial correlation structure. *Environmental Monitoring and Assessment* 187(1)
- YILMAZ, B. & Özçelik, C. 2018. Evaluation of Water Quality Monitoring Networks Using Principal Component Analysis: A case of Gediz River Basin. *Celal Bayar Üniversitesi Fen Bilimleri Dergisi* 14(1): 65–75.

## MOBILE VIRTUAL REALITY USABILITY MODEL FOR CULTURE HERITAGE SUSTANABILITY DEVELOPMENT

*Chong Hwei Teeng | P109634 | Doctor of Philosophy*

Supervisors:

*Ts. Dr. Lim Chen Kim*

*Prof. Emeritus Dato' ChM. Dr. Mazlin Mokhtar*

*Dr. Lam Meng Chun*

### 1. INTRODUCTION

Culture Heritage (CH) sites plays a crucial role to act as a reference towards culture identity of the communities. It is important to pay attention and protect CH as it holds societies values that sustain the humanity (Suaib et al., 2020). This research focused to preserve the Malaysia United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) based at Langkawi in the state of Kedah, namely the Kubang Badak biogeotrail, charcoal kilns that located at Siam Village Remnant. There are studies that highlights the local efforts towards sustainable activities, however due to the ecological factors, the context of physical charcoal kilns will remain transforming (Lim et al., 2023). Therefore, this research study focuses to analyze the context of CH sites and develop a mobile Virtual Reality (VR) application to preserve the CH site for the community's accessibility towards sustainable development practice.

### 2. PROBLEM STATEMENT

Since Langkawi was recognized as the UNESCO, there have been many efforts towards sustainable development. However, deterioration or destruction of CH sites overtime and restriction within the area of visit among visitors results lower accessibility and public awareness (Bec et al., 2021). In addition, public awareness towards CH values learning declines among the local communities (Azman et al., 2011; Ibrahim et al., 2021). Besides that, with rapid technology internet advancement, getting information through digital devices is the new trend (Ebert & Duarte, 2018). Technology application in CH context can impact users' perception and attitude towards sustainability activities. Focusing on reality technology system, lack of mobile VR system is implemented in the context of CH due to the variety types of technology that causes unfamiliarity, complexity and high resources needed (Carter et al., 2018; Checa et al., 2017; Gek Siang et al., 2020). The issues are explained in the scope of application system design and development output that may affect the level of positivity in user experience (UX) towards conservation development of the CH sites.

### 3. OBJECTIVES

This study has two main objectives that aimed to deploy a mobile VR application which delivers high positive UX and ability to widen the accessibility opportunity among the communities and societies which contributes towards sustainable development. The objectives are:

Objective 1: To investigate the existing research and developments in the area of mobile VR for CH in practice to identify the concepts for development output.

Objective 2: To design and develop a high UX mobile VR application for CH sustainable development practice.

### 4. METHOD



4.1 The investigation phase involved a systematic review based of (Kitchenham, 2004) procedure in reviewing journal articles to identify the challenges and gaps. Then, reviewing and testing the creation of VR CH application from reviewed development articles. Spontaneous search through the internet with the keyword “Virtual Reality Culture Heritage Application” to check other applications that are not listed in the articles to further identify and propose a framework. Framework is then drawn into a wireframe for development phase.

4.2 In design and development phase, the historical context in the application is drawn from written reference (Komoo et al., 2019; Lim et al., 2023) and visiting the charcoal kiln site to capture the existing environment. The design phase in will also draw out the hardware and software application together with the illustration of application flow before the development on site and postproduction takes place.

#### 4.2.1 Hardware List

Visuals are captured with Insta360 Pro 2 camera setup with tripod stand and ambient audio is recorded with Zoom H5 audio recorder. In addition to drone shot is captured with DJI (Mavic Air 2).

#### 4.2.2 Software List

Before the editing phase, Insta360 stitcher is required to stich the recorded footage. Then, Adobe Premier Pro and Photoshop is utilized to clean up the video and photo images before compiling for interaction output using 3DVista Virtual Tour Pro software.

The development output should meet the usability requirements for users to access and experience. Good user experience can impact the level of awareness and knowledge learning towards CH context which contributes towards sustainability development activities.

## 5. RESULTS

Throughout the investigation, latest findings from Lim et. al. (2023) highlighted the lack of knowledge and awareness on the CH site among the local communities and the younger generations. Besides that, on the technology aspect, most of the challenges and gaps mainly highlighted usability issues that causes bad user experience. Usability issues such as unfamiliarity and complexity usage of technology application which led to learning diversion that focused on technology rather than the CH context. This can lead to lower accessibility that can impact the level of awareness and sustainability development influences towards users' CH site.

Based on all the finding, mobile VR application is concepted, designed and developed into an online web-based application that can be viewed through any digital devices connected to internet. With the development of mobile VR application in 4.2, users can easily access to the CH site with their own smartphone, tablet or computer with internet connection. A guide through interface is designed to teach and ease users' navigation and information on the CH site is presented. This is to solve the complexity of usage, comforness and affordance. Users can now experience a 360-degree walkthrough of the CH charcoal kiln site in this website (<http://wowystudio.com/360-ck/index.html>). In addition, the focus of this application is to widen the accessibility and to extend public awareness to learn about the CH context that can contribute towards sustainable development goal 11.4 "strengthen efforts to protect and safeguard the world's cultural and natural heritage'.

## 6. DISCUSSION

The local communities and societies can now interactively access the CH charcoal kiln site virtually anytime and anywhere to learn and appreciate on the CH values of the site. The development of 360-degree walkthrough of CH charcoal kiln site contributed towards digital preservation to overcome deterioration of physical structure and remote learning to empower local communities culture values for culture exchange. The use of this technology also plays a role to further engage and motivate users to participate in the learnings. Current limitation would be limited internet access in the rural areas for users and possibly users' gadgets are outdated that does not allow them to view or open the application. Future work will involve testing and data collection from users. This is to study on the perspective of using mobile VR CH application towards CH learning and how would it impact the CH values towards sustainable development goal of 11.4.

## 7. REFERENCES

- Azman, N., Halim, S. A., Liu, O. P., & Komoo, I. (2011). The Langkawi Global Geopark: Local community's perspectives on public education. *International Journal of Heritage Studies*, 17(3), 261–279. <https://doi.org/10.1080/13527258.2011.557863>
- Bec, A., Moyle, B., Schaffer, V., & Timms, K. (2021). Virtual reality and mixed reality for second chance tourism. *Tourism Management*, 83(May 2019), 104256. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2020.104256>
- Carter, L., Paroz, A. W. L., & Potter, L. E. (2018). Observations and opportunities for deploying virtual reality for passenger boats. *Conference on Human Factors in Computing Systems - Proceedings, 2018-April*. <https://doi.org/10.1145/3170427.3188615>

- Checa, D., Alaguero, M., & Bustillo, A. (2017). Industrial heritage seen through the lens of a virtual reality experience. *Lecture Notes in Computer Science (Including Subseries Lecture Notes in Artificial Intelligence and Lecture Notes in Bioinformatics)*, 10324 LNCS, 116–130. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-60922-5\\_9](https://doi.org/10.1007/978-3-319-60922-5_9)
- Ebert, C., & Duarte, C. H. C. (2018). Digital Transformation. *IEEE Software*, 35(4), 16–21. <https://doi.org/10.1109/MS.2018.2801537>
- Gek Siang, T., Ab Aziz, K., & Ahmad, Z. (2020). Developing a Framework for Augmented Reality Mobile Application Success and World Heritage Sites Sustainability The iMelaka 360 Project View project FRGS Information Security View project Developing a Framework for Augmented Reality Mobile Application Success and World Heritage Sites Sustainability. *International Journal of Advance Science and Technology*, 29(10), 287–296. <https://www.researchgate.net/publication/343126017>
- Ibrahim, M. S. N., Abdul-Halim, S., Ishak, M. Y., & Hassan, S. (2021). The local community awareness on Langkawi UNESCO Global Geopark Status: Case of Kampung Padang Puteh, Langkawi, Malaysia. *International Journal of Geoheritage and Parks*, xxxx. <https://doi.org/10.1016/j.ijgeop.2021.02.009>
- Kitchenham, B. (2004). Procedures for Performing Systematic Reviews. *Keele University*, 33, 1–26. <https://doi.org/10.5144/0256-4947.2017.79>
- Lim, C. K., Tan, K. L., & Farid Ahmed, M. (2023). Conservation of Culture Heritage Tourism: A Case Study in Langkawi Kubang Badak Remnant Charcoal Kilns. *Sustainability (Switzerland)*, 15(8). <https://doi.org/10.3390/su15086554>
- Suaib, N. M., Ismail, N. A. F., Sadimon, S., & Yunos, Z. M. (2020). Cultural heritage preservation efforts in Malaysia: A survey. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 979(1). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/979/1/012008>

## SUSTAINABILITY GOVERNANCE FRAMEWORK FOR MALAYSIA-CHINA PALM OIL SUPPLY CHAIN UNDER THE GREEN BELT AND ROAD INITIATIVE

*Wang Rui | P102374 | Doctor of Philosophy*

Supervisors:

*Prof. Ts. Dr. Lee Khai Ern*

*Prof. Emeritus Dato' ChM. Dr. Mazlin Bin Mokhtar*

*Ts. Ir. Dr. Goh Thian Lai*

### 1. INTRODUCTION

Malaysia is the second-largest producer and exporter of palm oil in the global market (MPOC, 2020), while China is the second-largest importer of palm oil globally (Segi Enam, 2020). The role or significance of both countries in the context of sustainability governance for palm oil supply chain is unquestionable (World Wildlife Fund, 2022). Relative to Malaysia's active role in sustainable palm oil, the players and other stakeholders on the China's side are of low-key, not for the prominent performance but for the opposite side (Schleifer & Sun, 2018). This situation could be mitigated in the context of the Green Belt and Road Initiative (BRI). BRI which is an essential diplomatic strategy of China (Szcudlik-Tatar, 2015; Aoyama, 2016), from 2017 onwards, has imparted green development as one of the main themes of its activities (Enfors et al., 2008; Plieninger et al., 2013; Oteros-Rozas et al., 2015). Hence, the main focus on this research is to discuss the framework for sustainability governance of palm oil activities between Malaysia and China by placing them in the context of BRI.

### 2. PROBLEM STATEMENT

The lab-scale mobile-constructed wetland demonstrates impressive rates of pollutant removal. It achieves a reduction of 94.87% in Total Suspended Solids (TSS), 85.12% in Biochemical Oxygen Demand (BOD), and 97.7% in Ammonium Nitrogen (AN). Although the reduction in Chemical Oxygen Demand (COD) is comparatively lower at 45.5%, the final COD level reaches the Class I standard of the National Water Quality Standard (NWQS) at 11 mg/L. A visual comparison between the treated effluent from the HLT219 Bandar Bukit Mahkota STP and the treatment outcomes accomplished by the lab-scale mobile constructed wetland clearly demonstrates a significant enhancement in the water quality of reclaimed water. This provides tangible evidence of the design's reliability and its capacity to achieve substantial improvements in water quality.

### **6. CONCLUSION**

The study's results illustrate the efficient removal of pollutants, including TSS, BOD, and AN, by the lab-scale mobile constructed wetland. This successful treatment process transforms the



reclaimed water into a viable option for non-potable use and diverse applications, aligned with the stringent Class I standards defined by the NWQS classification. These outcomes serve as tangible proof of the design's reliability and its remarkable potential to substantially enhance STP effluent standards. Furthermore, comprehensive bio-toxicity and eco-toxicity assessments affirm the absence of hazardous elements within the reclaimed water produced by the lab-scale mobile constructed wetland. In summation, the mobile constructed wetland lab-scale system has effectively achieved the delivery of Class I reclaimed water. This accomplishment underscores the innovation of employing a mobile constructed wetland with localized plants for wastewater reclamation, particularly within the context of Malaysian setting. This emphasizes the technology's promise as a sustainable and impactful method for achieving water security in Selangor.

## 7. REFERENCES

- Almuktar, S.A.A.N., Abed, S.N. & Scholz, M. 2018. Wetlands for wastewater treatment and subsequent recycling of treated effluent: a review. *Environmental Science and Pollution Research* 25(24): 23595–23623.
- Chan, N.W. 2012. Managing Urban Rivers and Water Quality in Malaysia for Sustainable Water Resources. *International Journal of Water Resources Development* 28(2): 343–354.
- Department of Statistics Malaysia. 2021. Current Population Estimates, Malaysia, 2021.
- Hamid, M.S. 2020. Evolusi Penduduk di Malaysia. *Department of Statistics Malaysia (DOSM)* 1–14.
- Kobayashi, Y., Ashbolt, N.J.N.J., Davies, E.G.R.E.G.R.E.G.R. & Liu, Y. 2020. Life cycle assessment of decentralized greywater treatment systems with reuse at different scales in cold regions. *Environment International* 134: 105215.
- Mahmud, M.H., Lee, K.E. & Goh, T.L. 2017. On-site phytoremediation applicability assessment in Alur Ilmu, Universiti Kebangsaan Malaysia based on spatial and pollution removal analyses. *Environmental Science and Pollution Research* 24(29): 22873–22884.
- Reed, S.C. 1993. *Guidance for Design and Construction of a Subsurface Flow Constructed Wetland: U.S. Epa-Region 6*. Diane Publishing Company.
- Scheierling, S.M., Bartone, C.R., Mara, D.D. & Drechsel, P. 2011. Towards an agenda for improving wastewater use in agriculture. *Water International* 36(4): 420–440.
- Shaharuddin, S., Ab Ghani, A. & Zakaria, N.A. 2015. Evaluation of Water Quality Index (WQI) Performance in Newly Constructed Free Water Surface (FWS) Constructed Wetland for Stormwater Treatment. *Applied Mechanics and Materials* 802(October): 623–628.
- Stefanakis, A.I. 2020. Constructed wetlands for sustainable wastewater treatment in hot and arid climates: Opportunities, challenges and case studies in the Middle East. *Water (Switzerland)* 12(6).
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. 2021. *Water & Sewage Fact Book 2021*.
- United Nations. 2019. *World Population Prospects 2019*.



## MENGARUS PERDANA PEMBANGUNAN LESTARI DI UKM: PENENTUAN ELEMEN-ELEMEN ASAS PEMBANGUNAN LESTARI

*Siti Khadijah Imam Supaat | P115825 | Doktor Falsafah*

Penyelia:

*Prof. Madya Dr. Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz*

*Prof. Dr. Noor Ezlin Bt. Ahmad Basri*

### 1. PENGENALAN

Kajian ini meneliti pelaksanaan pembangunan lestari di institusi pengajian tinggi atau universiti di mana kajian ini ingin mengkaji bagaimana UKM mengarus perdana penerapan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 2030) di universiti. Penulisan ini akan memfokuskan kepada penentuan elemen-elemen asas pembangunan lestari di universiti. Kajian ini penting kerana pelaksanaan aspirasi pembangunan lestari di universiti adalah berdasarkan elemen-elemen asas yang membentuk aspirasi tersebut. Elemen-elemen ini akan dikenal pasti melalui kaedah kajian analisis dokumen.

*United Nations Conference on the Human Environment 1972* yang diadakan di Stockholm telah menerima pakai *Stockholm Declaration and Action Plan for the Human Environment*, yang menekankan hubungan antara pembangunan dan perlindungan alam sekitar sekaligus menyediakan asas kepada konsep pembangunan lestari sebagai dasar global (Egute et al. 2019). Sejak itu, konsep pembangunan lestari mula berkembang dan dipopularkan melalui siri-siri laporan, persidangan dan simposium seperti *World Conservation Strategy: Living Resources Conservation for Sustainable Development* (IUCN 1980), *Our Common Future* (WCED 1987), dan *United Nations Conference on Environment and Development* (UNCED 1992) (Haque 2000). Sebagai contoh, istilah pembangunan lestari muncul dalam 11 daripada 27 prinsip *Rio Declaration on Environment and Development* 1992 manakala dokumen Agenda 21 merupakan pelan tindakan untuk pembangunan lestari (Egute et al. 2019). Pada tahun 2015, resolusi *Transforming our world: the 2030 Agenda for Sustainable Development* (SDG 2030) telah di terima pakai sebagai kerangka baru pembangunan lestari.

### 2. PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTAN KAJIAN

Peranan universiti yang sangat signifikan dalam mencorak dan meneraju pembangunan negara dan masyarakat menuntut universiti melakukan transformasi ke arah pembangunan lestari seiring dengan agenda pembangunan global. Menyedari tuntutan itu, UKM telah menggubal Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 dengan iltizam untuk membudayakan, mengamalkan dan memasyarakatkan aspirasi pembangunan lestari menjelang 2030 (UKM 2022). Namun demikian, penunjuk yang digunakan di dalam Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 tidak sama dengan penunjuk yang digunakan di dalam SDG 2030. Berdasarkan perbezaan ini, timbul persoalan beberapa persoalan kajian iaitu (1) adakah penunjuk kelestarian universiti perlu sama dengan penunjuk SDG 2030? (2) bolehkah kelestarian universiti menggunakan penunjuk SDG 2030 yang sama? (3) bagaimana penunjuk SDG 2030 diselaraskan ke peringkat universiti? (4) apakah penunjuk yang diukur? (5) bolehkah penunjuk tersebut diukur? dan (6) bagaimana penunjuk

tersebut diukur dalam rangka untuk menyokong dan menyumbang kepada *Malaysia Voluntary National Review* iaitu Laporan SDG 2030 Malaysia.

*The United Nations Decade of Education for Sustainable Development* (2005-2014) menekankan bahawa peranan utama universiti dalam pelaksanaan pembangunan lestari bukan sahaja untuk menjana dan memindahkan pengetahuan, tetapi untuk mendidik pemimpin masa depan yang akan menyumbang kepada masa depan yang lestari (Barth, 2016). Universiti dituntut untuk memikirkan semula peranan mereka dalam masyarakat dan bagaimana universiti boleh bertindak sebagai pemangkin ke arah kelestarian (UNESCO 2022). UNESCO (2022) mengesyorkan kelestarian harus dipatuhi dan dipantau dalam struktur tadbir urus universiti. Pemantauan membolehkan pihak berkepentingan terlibat secara aktif dalam proses peralihan ke arah pembangunan lestari dan mengenal pasti kemungkinan wujudnya jurang dalam pelan tindakan kelestarian (Kioupi & Voulvoulis 2019).

Menyahut seruan SDG 2030 bahawa kerajaan dan institusi awam akan bekerjasama rapat dengan ahli akademik serta pihak berkepentingan lain dalam pelaksanaan SDG 2030, kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen pembangunan negara akan terus dijarar kepada SDG 2030 dan menekankan kepentingan pendekatan keseluruhan negara atau "*whole of nation*" dalam pelaksanaan SDG 2030 (RMKe-12, 2021). Menyahut seruan yang sama, UKM telah berperanan memulakan inisiatif penerapan konsep pembangunan lestari yang antaranya melalui pengisytiharan Piagam Kampus Lestari (Derahim et al. 2012), penggubalan Pelan Induk Pembangunan Fizikal Kampus UKM Bangi 2007-2020 yang menggariskan lapan objektif kelestarian (Khairul Baharudin & Sarah Aziz 2020) serta penggubalan Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 (UKM 2022).

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai 3 objektif kajian iaitu (1) mengenal pasti elemen-elemen asas SDG 2030 yang perlu diterapkan di universiti, (2) mengenalpasti tatacara penerapan SDG 2030 di dalam tadbir urus UKM dan (3) mencadangkan kerangka perubahan tadbir urus dan indikator pengukuran bagi penerapan SDG 2030 di UKM. Penulisan ini hanya memfokuskan kepada objektif pertama iaitu mengenal pasti elemen-elemen asas SDG 2030 yang perlu diterapkan di universiti.

### 4. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menjalankan kaedah analisis dokumen bagi menjawab objektif untuk mengenal pasti elemen-elemen asas SDG 2030 yang perlu diterapkan di universiti. Analisis dokumen adalah kaedah kajian untuk menganalisis kandungan dokumen bertulis dengan teliti dan sistematik dan pemilihan dokumen perlu mempertimbangkan: (1) organisasi mana yang akan disertakan, (2) jenis dokumen yang akan disemak dan (3) masa penerbitan dan pengeluaran dokumen tersebut (Wach & Ward 2013). Kajian ini mengkategorikan tiga jenis dokumen yang akan dianalisis iaitu dokumen rasmi antarabangsa dari *United Nation* seperti SDG 2030 dan dokumen UNESCO, dokumen rasmi Malaysia seperti RMK Ke-12 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan dokumen rasmi universiti seperti Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 dan Pelan Induk Pembangunan Fizikal Kampus UKM Bangi 2007-2020. Analisis dokumen melibatkan pengulangan proses membuat bacaan sepintas lalu (*skimming*), bacaan menyeluruh

dan penafsiran (Bowen 2009). Dokumen dibaca perenggan demi perenggan sambil membuat pertanyaan berkaitan fokus kajian dan membuat tafsiran untuk mengenalpasti tema pada perenggan atau frasa teks dokumen tersebut (Morse 2008).

## 5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dokumen mendapati tema-tema berikut; (1) tanggungjawab dan hak asasi manusia (2) perlindungan alam sekitar dan sumber, (3) pembangunan ekonomi dan sosial, (4) perancangan pembangunan, (5) perancangan dan polisi alam sekitar, (6) bantuan kewangan dan teknologi, (7) pendidikan dan komunikasi, (8) mekanisma institusi kerajaan dan (9) Kerjasama antarabangsa.

Analisis dokumen menunjukkan elemen-elemen asas pembangunan lestari. Elemen-elemen asas ini membentuk aspirasi pembangunan lestari di universiti dan SDG 2030. Perbandingan awal mendapati Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 mempunyai elemen-elemen yang selari dengan tema-tema hasil dokumen analisis dan pelan tersebut telah diselaraskan dengan sasaran SDG 2030. Namun pelan tersebut mempunyai penunjuk kelestarian yang berbeza.

## 6. KESIMPULAN

Kajian ini mendapati terdapat perbezaan penunjuk Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 dengan penunjuk SDG 2030. Perbezaan penunjuk kelestarian menghasilkan keputusan dan output yang berbeza. Oleh itu, penunjuk Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030 perlu diselaraskan dengan penunjuk SDG 2030 untuk menyokong pencapaian SDG negara.

## 7. RUJUKAN

- Barth, M. (2016). *Implementing Sustainability in Higher Education Learning in an Age of Transformation*. London. Routledge
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative research journal*, 9(2), 27-40.
- Derahim, N., Hashim, H. S., Ali, N., & Aziz, S. (2012). UKM sebagai kampus lestari: Tinjauan awal pengetahuan, kesedaran dan penglibatan pelajar dan kakitangan di Kampus UKM Bangi. *Geografia*, 8(8).
- Egute, T. O., Albrecht, E., & Egute, K. A. (2019). From Stockholm to Paris: Four decades of sustainability in international law. *Sustainable global value chains*, 63-83.
- Haque, M. S. (2000). Environmental discourse and sustainable development: Linkages and limitations. *Ethics and the Environment*, 5(1), 3-21.
- Khairul Baharudin & Sarah Aziz. (2020). Menganjak ke Satu Pengurusan Sisa Pepejal Secara Lestari di Kampus UKM Bangi, Selangor: Pertimbangan Awal. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2).
- Kioupi, V., & Voulvoulis, N. (2019). Education for sustainable development: A systemic framework for connecting the SDGs to educational outcomes. *Sustainability (Switzerland)*, 11(21). <https://doi.org/10.3390/su11216104>
- Morse, J. M. (2008). Confusing categories and themes. *Qualitative Health Research*, 18(6), 727-728. <https://doi.org/10.1177/1049732308314930>
- Rancangan Malaysia Ke-12 (2021)
- UKM (2022). Pelan Strategik Kelestarian UKM 2030. Pusat Strategi UKM

- UNEP (2013). Greening Universities Toolkit. Transforming Universities Into Green and Sustainable Campuses.
- UNESCO (2015). Draft Preliminary Report Concerning the Preparation of a Global Convention on the Recognition of Higher Education Qualifications. ED/2015/PLS/HED/02.
- UNESCO (2022) Knowledge-driven actions: Transforming higher education for global sustainability. UNESCO
- UNGA (2015). Resolution adopted by the General Assembly on 25 September 2015: Transforming our world: the 2030 Agenda for Sustainable Development. A/RES/70/1.
- Wach, E., & Ward, R. (2013). Learning about qualitative document analysis. IDS Practice Paper In Brief 13, Brighton: IDS

## MOBILE GAME AS AN INTERVENTION ON BEACH SUSTAINABILITY AWARENESS FOR PRESCHOOLERS

*Ellena A/P John | P116173 | Master*

Supervisors:

*Dr. Lim Chen Kim*

*Prof. Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria*

### 1. INTRODUCTION

Beaches are vital ecosystems, but litter and plastic pollution threaten their balance (Kershaw et al. 2019). As a solution a mobile game-based intervention tool to raise awareness on beach sustainability. This interactive and adaptable game effectively engages preschoolers aged 5 to 6 years, who are receptive to educational games, fostering a deeper understanding of the importance of protecting beach ecosystems and the impact of littering. Clean My Beach, a game developed by Kayfo Games is used to expose the preschoolers to a mobile game focused on beach cleaning. The game aligns with Sustainability Development Goal (SDG) 4 - Education for Sustainable Development, promoting beach sustainability learning, while also supporting SDG 6 - Clean Water and Sanitation through litter prevention and responsible waste management, and SDG 14 - "Life Below Water" by promoting the sustainable use of marine resources (United Nations 2015). Addressing beach littering is paramount to safeguarding our coastal environments and nurturing a generation of environmentally conscious individuals.

### 2. PROBLEM STATEMENT

Langkawi Island, a popular tourist destination, faces the issue of marine debris as underlined by the Non-Governmental Organization, Reef Check Malaysia, during their coastal clean-up initiative where two beaches, Cenang Beach and Pantai Pasir Hitam, had an overwhelming amount of trash collected and thus putting these two beaches in the top 5 of beaches with high amounts of garbage in Malaysia (Nesha 2022). Although, preschool children are the target subject, it is important to address sources of litter on the beaches. It was found that beach litterers in Langkawi are made up of 60% tourists, 30% local residents, and 10% are from construction (Mehranian et al. 2019). Raman et al. (2019) states that preschool teachers' frequency of environmental sustainability practices is low and at an unsatisfactory level, highlighting the need to bridge the gap between children's sustainability awareness. Whereas, 60% of children in Langkawi visit the beach at least once a year (LADA 2019) and contribute to littering (Jones & Stanis 2017; Saengsupavanich et al. 2021). The summarized problem statements that led to this research problems are as follows:

- I. The problem statement addresses the critical issue of beach littering among preschoolers aged 5 to 6 years due to the lack of awareness and knowledge about beach pollution and proper garbage disposal, leading to environmental challenges (Jay 2022; Sonalitha et al. 2019).
- II. Their limited understanding of waste disposal locations and inability to transport trash to designated bins exacerbate the issue (Norhayati & Norhasimah 2020; Mapotse et al. 2017; Wan Zahari et al. 2017).

- III. The absence of effective interventions in environmental education hinders their awareness and comprehension of beach pollution (Yusoff et al. 2019; Wan Zahari et al. 2017).

### **3. OBJECTIVE**

This research will involve three main objectives to use a mobile game as an intervention for beach littering awareness among preschoolers. Firstly, (I) to identify the existing level of knowledge and awareness regarding beach littering among preschool children. Secondly, (II) to enhance the knowledge and awareness of beach littering among preschoolers through mobile game interventions. Lastly, (III) to evaluate the effectiveness of a mobile game-based intervention in improving the knowledge and awareness of beach littering among preschool children. By accomplishing these objectives, this research contributes valuable insights into the effectiveness of mobile games as an educational approach in promoting beach sustainability awareness among preschool children. The colloquium presentation will focus on all three mentioned objectives of this research.

### **4. METHOD**

The methodology for this research consists of three stages. The first stage, (I) preliminary analysis and review of previous work is conducted to identify the research topic, gather related materials, and formulate research questions and hypotheses. Stage two involves (II) data collection through filtering existing beach cleanliness mobile games, physical site observations, and gathering sample trash data. Existing mobile games are analyzed for relevant features, and real-life observations serve as benchmarks for game design and selection. The third stage is the (III) evaluation stage, where the interventions effectiveness is assessed through pre- and post-testing using a questionnaire to measure preschoolers' baseline and improved knowledge and awareness. The data obtained from both tests are compared using SPSS Analysis to determine the mobile games effectiveness in enhancing children's understanding of beach littering.

### **5. RESULTS AND DISCUSSION**

The total population size of preschoolers aged 5 to 6 in Langkawi is 1479 according to the data provided by the Langkawi District Education Office (PPDL). With the confidence level of 95% and margin error of 5% the ideal sample size is 305 from preschools across Langkawi. All preschools are registered under the Ministry of Education in the Langkawi district. To ensure a representative sample, a stratified sampling approach is employed. Three main evaluation methods are applied, pre-testing, play testing with a questionnaire and post-testing. The participants are randomly divided into two groups, making up the control and experimental groups. Each participant will be awarded a mark based on the answers in the questionnaire. The questions are structured around beach littering and different forms of litter. Following the mobile game intervention, the scores from both groups will be evaluated for effectiveness of mobile game intervention by conducting an Independent Sample t-test by comparing the mean test scores between the two groups. A significant result would indicate that the intervention has a substantial influence on the awareness of beach littering and offering a promising approach to enhance preschoolers' awareness.



## 6. CONCLUSION

By using mobile game interventions for beach littering awareness, it could potentially contribute to the SDG 4 and have secondary contributions to SDG 6 and SDG 14. With focus on the age group of 5 to 6 years the impact of early environmental sustainability education and awareness can have a snowball effect. Mobile games offer a cost-effective approach to environmental education and foster a sense of responsibility towards marine ecosystems. Moreover, the integration of mobile game applications in education is a part of the "Go Green" action, which can have a lasting impact on promoting sustainability in the long run. By addressing the critical issue of beach littering among preschoolers and evaluating the effectiveness of the mobile game-based intervention, this research contributes valuable insights to promote beach sustainability awareness and nurture environmentally conscious citizens from an early age.

## 7. REFERENCES

- Jay, S. 2022, July 8. Couple collects 400kg of trash on walk to Langkawi. *Freemalaysiatoday.com*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/toplifestyle/2022/08/07/couple-collects-400kg-of-trash-on-walk-to-langkawi/>
- Jones, A. L. & Stanis, S. 2017. Child Littering and Its Impact on Beach Cleanliness. *Ocean and Coastal Management*, 146, 37-44.
- Kershaw, P. J. Turra, A. & Bergmann, M. 2019. Marine anthropogenic litter on beaches: A global perspective. *In Marine anthropogenic litter*. Springer, Cham. 93-123.
- Langkawi Development Authority (LADA). 2019. Langkawi Children's Beach Safety Study. Langkawi, Malaysia: LADA.
- Mapotse, T. & Mashiloane, T. 2017. Nurturing Learners' Awareness of Littering through Environmental Campaigns: An Action Research Approach. *Eurasia. Journal of Mathematics, Science and Technology Education*.
- Mehranian, H., Baharudin, A., & Ismail, M. B. 2019. Beach users' perceptions toward beach quality and crowding: A case of Cenang Beach, Langkawi Island, Malaysia. *IntechOpen*.
- Nesha, Cynthia. 2022, October 11. "Malaysians Picked up 24,301kg of Trash from Our Beaches." *REEF CHECK MALAYSIA*, [www.reefcheck.org.my/press/malaysians-picked-up-24301kg-of-trash-from-our-beaches](http://www.reefcheck.org.my/press/malaysians-picked-up-24301kg-of-trash-from-our-beaches).
- Norhayati, M. N. & Norhasimah, M. 2020. Preschool children's littering behaviour and its relationship with environmental knowledge, attitude and awareness. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 22(1), 1-13.
- Raman, F. I., & Bakar, K. A. 2019. Amalan kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 15-30.
- Saengsupavanich, C. Kungwan, J. & Hanchaintha, P. 2021. Exploring Beach Tourism and Its Potential Contributions to Marine Plastic Pollution: Evidence from Thailand. *Environmental Management*, 68(1), 149-161.
- Sonalitha, S., Abdullah, N., & Awang, Z. (2019). Awareness of environmental pollution and littering among preschool children in Langkawi, Malaysia. *Procedia Environmental Sciences*, 156, 214-221.
- United Nations. 2015. *UNEP and the Sustainable Development Goals* <https://www.unep.org/explore-topics/sustainable-development-goals>.

- Wan Zahari, W. M. A. Sulaiman, Z. Nor, M. F. M. & Fadzil, A. F. M. 2017. Environmental Education Programs for Preschool Children: An Analysis of Current Practices in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(14), 264-274.
- Yusof, N. Wan Zahari, W. M. S. & Aminudin, N. 2019. Public perception on marine litter issue in Langkawi Island. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 323(1), 012040.

**PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN SIKAP PENJAWAT AWAM SEBAGAI PELAKSANA AKTIVITI  
KESEDARAN ALAM SEKITAR: KAJIAN KES DI LAPAN AGENSI KERAJAAN TERPILIH DI KUALA  
LUMPUR DAN SELANGOR**

*Nik Azyyati Abdul Kadir | P103373 | Sarjana*

Penyelia:

*Prof. Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria*

*Prof. Ts. Dr. Lee Khai Ern*

## **1. PENGENALAN**

Deklarasi Stockholm, Piagam Belgrade, Deklarasi Tbilisi dan Deklarasi Thessaloniki merupakan antara kesepakatan awal di peringkat global yang menekankan mengenai kepentingan usaha penyebaran ilmu mengenai alam sekitar dan usaha penerapan kesedaran alam sekitar. Usaha menyebarkan luas pengetahuan dan kesedaran alam sekitar bagi membentuk masyarakat yang cakna terhadap kelestarian alam sekitar masih diteruskan sama ada di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, seiring dengan polisi berkaitan seperti Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2023 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016-2025. Sepertimana yang dilaksanakan negara-negara lain, kesedaran alam sekitar untuk masyarakat Malaysia diterapkan melalui pendidikan formal dan pendidikan bukan formal (Hanim et al., 2019) di mana pendidikan bukan formal adalah pelengkap kepada pendidikan formal (Mohd. Azhar, et al. 2003; Hanifah, et al. 2013). Pelbagai pendekatan diaplikasikan dalam pendidikan tidak formal (Yi-Hsuan Hsu, 2017) yang diterapkan melalui aktiviti pendidikan luar bilik darjah. Pendidikan alam sekitar bukan formal dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi korporat serta agensi kerajaan lain yang berkaitan. Hasrat memperkasa pendidikan alam sekitar di Malaysia dinyatakan di dalam DKBK 2016-2025 melalui salah satu indikator utama iaitu “Menjelang 2025, sekurang-kurangnya 500,000 belia dan kanak-kanak terlibat dalam aktiviti berteraskan alam semula jadi setiap tahun (Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar, 2016) serta melalui pengukuhan Program Rakan Muda, di mana Rakan Bumi merupakan salah satu daripada sepuluh ‘gaya hidup’ yang diperkenalkan (Kementerian Belia & Sukan, 2023). Dalam menyokong pelaksanaan aktiviti berkaitan, agensi-agensinya kerajaan selain daripada institusi pendidikan turut terbabit secara tidak langsung dan ini menggambarkan bahawa penglibatan penjawat awam yang bukan di sektor pendidikan turut relevan dalam memperkasa pendidikan alam sekitar. Kumpulan ini wajar diberi perhatian sama ada dari segi penyelidikan mahupun pembangunan, demi memperkasa usaha ke arah pembentukan masyarakat dan negara yang lestari.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTON KAJIAN**

Norshariani et al. (2018) mengkelaskan kekangan yang dihadapi oleh kebanyakan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar kepada iaitu kekangan masa dan dibebani oleh tugas sekolah. Sehubungan itu penglibatan agensi kerajaan lain dilihat sebagai satu cara mengurangkan beban tugas guru dan perkongsian tanggungjawab. Poonam Dhull & Gunjan Verma (2017) menyimpulkan bahawa dalam usaha melibatkan murid dengan pendidikan berkaitan alam sekitar, guru memerlukan bantuan serta sokongan daripada pelbagai pihak

seperti kerajaan, pengurusan, badan berkanun, pembentuk polisi dan komuniti sekolah. Dalam konteks pelaksana di kalangan agensi kerajaan bukan dari sektor pendidikan, sebahagian penjawat awam di agensi kerajaan terbabit terlibat dalam melaksanakan aktiviti kesedaran alam sekitar bagi pihak agensi. Kumpulan pelaksana berkenaan lazimnya terdiri daripada penjawat awam yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza serta tertakluk kepada tugas hakiki jabatan. Jesteru, golongan ini berpotensi berhadapan dengan cabaran sepertimana penemuan oleh Mohamad Saifudin (2018) yang mendapati pengamal media dan badan bukan kerajaan (NGO) bersetuju bahawa mereka menghadapi cabaran dalam memainkan peranan sebagai pendidik alam sekitar. Seiring dengan usaha memperkasa pelaksanaan aktiviti pendidikan alam sekitar menerusi platform pendidikan bukan formal, kajian terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelaksana di agensi-agensi kerajaan terbabit juga perlu dijalankan. Di peringkat awal, tahap penglibatan penjawat awam terbabit sebagai pelaksana aktiviti kesedaran alam sekitar bagi pihak agensi perlu dikenalpasti sebelum tinjauan lebih lanjut berkaitan parameter tersebut dilaksanakan.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai tiga objektif namun dalam pembentangan kolokium ini, hanya satu objektif akan difokuskan iaitu objektif pertama iaitu mengenalpasti status penglibatan penjawat awam sebagai pelaksana aktiviti kesedaran alam sekitar bagi pihak agensi. Melalui objektif ini, penglibatan penjawat awam terbabit dikenalpasti khususnya berkaitan aspek peranan dan tahap penglibatan, bentuk dan tema program/aktiviti yang dikendalikan serta kekerapan pelaksanaan aktiviti/program pendidikan alam sekitar oleh agensi.

### **4. KAEDAH KAJIAN**

Kajian dilaksanakan di lapan agensi kerajaan yang terlibat dalam usaha menyebarkan pengetahuan dan kesedaran mengenai alam sekitar iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Wilayah Persekutuan dan PERHILITAN Negeri Selangor, PERHILITAN di Paya Indah Wetlands, dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Bagi mengumpulkan data untuk menjawab objektif satu, analisis dokumen dan temubual melalui telefon dengan 14 orang wakil pengurusan jabatan/seksyen/cawangan/unit berkaitan di agensi kerajaan terbabit dilaksanakan. Analisis dokumen adalah prosedur sistematik untuk menyemak dan menilai dokumen sama ada yang bercetak atau material elektronik (Bowen, 2009). Dokumen terbabit adalah merujuk kepada laporan tahunan jabatan terbabit, media sosial rasmi jabatan merangkumi laman sesawang dan Facebook rasmi jabatan bagi mengenalpasti bentuk-bentuk pelaksanaan aktiviti pendidikan alam sekitar oleh agensi. Temubual dengan pihak pengurusan melibatkan wakil bahagian/seksyen/unit terbabit dan berpandukan soalan berkaitan seperti bilangan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti kesedaran alam sekitar, bentuk program/aktiviti yang dilaksanakan, tema/topik aktiviti serta kekerapan pelaksanaan.

## 5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dokumen dibuat terhadap 20 laporan tahunan yang merangkumi lima laporan tahunan bagi setiap agensi untuk tempoh 2017 sehingga 2021 serta laman sesawang dan sosial media rasmi agensi-agensi terbabit sama ada peringkat persekutuan mahupun peringkat negeri. Berdasarkan laporan tahunan, aktiviti/program pendidikan merangkumi ceramah kesedaran, program bermalam dan program kesedaran harian serta pameran berkaitan kesedaran alam yang bertemakan sumber alam semula jadi atau topik alam sekitar yang lain seperti perubahan iklim dan kitar semula. Tahap penglibatan adalah berbeza mengikut gred perjawatan di mana ada yang terlibat sebagai penceramah, pelaksana aktiviti mahupun petugas pameran dan sebahagian penjawat awam turut terbabit dalam penghasilan bahan aktiviti dan bahan bacaan untuk tujuan pendidikan. Di samping itu, berdasarkan temu bual, didapati penjawat awam yang bertugas di agensi yang mempunyai sumber alam semula jadi setempat seperti PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Negeri turut terlibat dalam mengendalikan aktiviti lawatan. Selain itu, didapati bahawa penjawat awam yang terlibat sebagai pelaksana aktiviti pendidikan alam sekitar turut terlibat dalam skop tugas hakiki yang seiring dengan jawatan seperti pemelihara hutan, pegawai hidupan liar, pegawai kawalan alam sekitar dan penyelidik. Dari segi bilangan, julat penjawat awam yang terbabit secara langsung dalam usaha kesedaran alam sekitar bagi lapan agensi terpilih adalah diantara empat sehingga lapan orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan tetap dan kontrak. Bilangan ini tidak termasuk bilangan kakitangan yang dipinjam dari seksyen/unit lain bagi menyokong pelaksanaan program berskala besar. Hasil dapatan ini, secara tidak langsung menggambarkan bahawa penjawat awam di agensi kerajaan selain di sektor pendidikan, turut terbabit secara langsung dalam aktiviti pendidikan alam sekitar yang juga merupakan salah satu bentuk aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam.

## 6. KESIMPULAN

Aktiviti pendidikan alam sekitar oleh agensi terbabit dilaksanakan oleh penjawat awam di bahagian/seksyen/unit tertentu dan pelaksanaan aktiviti berkenaan merupakan skop tugas sampingan di samping skop tugas hakiki. Namun, dalam menyokong dasar-dasar kerajaan berkaitan pembangunan lestari dan konservasi sumber alam semula jadi, bahagian/seksyen/unit berkenaan sentiasa bersedia untuk terlibat sebagai pelaksana aktiviti pendidikan alam sekitar, yang mana merupakan salah satu daripada bentuk pemindahan teknologi kepada orang awam. Walaubagaimanapun, terdapat faktor yang mempengaruhi penglibatan penjawat awam terbabit dalam aktiviti berkaitan alam sekitar seperti kesediaan sumber di lapangan, bilangan penjawat awam bahagian/seksyen/unit serta peruntukan kewangan.

## 7. RUJUKAN

- Bowen, G. A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27-40. [https://www.researchgate.net/publication/240807798\\_Document\\_Analysis\\_as\\_a\\_Qualitative\\_Research\\_Method](https://www.researchgate.net/publication/240807798_Document_Analysis_as_a_Qualitative_Research_Method) [22 Mac 2022].
- Poonam Dhull & Gunjan Verma. 2017. Environmental education in teacher education and challenges. *International Journal of Academic Research and Development* 2(5): 84-87. [https://www.researchgate.net/publication/332446189\\_Environmental\\_Education\\_in\\_Teacher\\_Education\\_and\\_Challenges](https://www.researchgate.net/publication/332446189_Environmental_Education_in_Teacher_Education_and_Challenges) [15 April 2021].

- Global Data Lab. t.th. Subnational Human Development Index (HDI). <https://globaldatalab.org/shdi/table/shdi/?levels=1+4&interpolation=0&extrapolation=0> [15 Julai 2023].
- Hanifah, M., Norlia, A. & Noraziah, A. 2013. Pembinaan keupayaan penggunaan lestari warga sekolah: kajian penglibatan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan. *Prosiding Persidangan Transformasi Sosial Kebangsaan 2013*, hlm. 1-16.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Muhammed Fauzi Othman, Zainudin Hassan & Othman A. Kassim. 2003. Pendidikan bukan formal (PBF) di Malaysia: cabaran dan hala tuju Wawasan 2020. *Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan 2003*, hlm. 101-127. <http://eprints.utm.my/id/eprint/2287/> [10 Oktober 2022].
- Mohamad Saifudin, M.S., Shaidatul Akma, A.K., Rani Ann, B. & Sharifah Nadiah, S.M. 2018. The current progress of Malaysian media and environmental non-governmental organisations (ENGos) in environmental education: an evaluation. *Jurnal Komunikasi Borneo* 6: 38-49.
- Norshariani Abd Rahman, Lilia Halim, Abdul Razaq Ahmad & Tuan Mastura Tuan Soh. 2018. Challenges of environmental education: inculcating behavioural changes among indigenous students. *Creative Education* 9: 43-55. <https://doi.org/10.4236/ce.2018.91004> [10 Oktober 2022].
- Nur Zafirah Abdul Rahim, Sarmila Md Sum, Norasmah Othman, & Hanim Kamaruddin. 2019. Environmental education in Malaysia: past, present and future. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 70: 226-235. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.10.25> [5 September 2022].
- Kementerian Belia & Sukan. 2023. *Mekanisme Pelaksanaan Inisiatif Rakan Muda*. Slaid. Malaysia: Kementerian Belia dan Sukan.
- Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar Malaysia. 2016. *Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025*.
- Yi-Hsuan Hsu. 2017. Learning beyond schools: non-formal environmental education in Taiwan. *Japanese Journal of Environmental Education* 26(4): 33-38. [/https://www.jstage.jst.go.jp/article/jsoee/26/4/26\\_4\\_33/\\_pdf](https://www.jstage.jst.go.jp/article/jsoee/26/4/26_4_33/_pdf) [10 Oktober 2022].



**KOMPONEN PENDIDIKAN UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI (ESD) DALAM  
“MODUL TEMATIK, PRAKARYA DAN BUDAYA MELAYU RIAU BERBASIS MUATAN LOKAL  
KUANTAN SINGINGI”**

*Gianini Sonnevil | P108253 | Sarjana*

Penyelia:

*Prof. Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria*

*Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman*

## 1. PENGENALAN

Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD) lahir selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menekankan hubungan antara manusia dan alam sekitar dalam laporan Brundlant (1987). Pada masa ini, panduan ESD yang dipromosikan oleh PBB ialah *ESD for 2030* yang memberi tumpuan untuk merealisasikan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Di Indonesia, integrasi bahan pengajaran berdasarkan pada prinsip dan kandungan di dalam ESD turut diimplementasikan. Salah satu daripada bahan tersebut ialah *Modul Tematik Prakarya, Seni Budaya dan Budaya Melayu Riau Berbasis Muatan lokal* yang dibangunkan oleh pelbagai entiti di Kuantan Singingi, Riau. Beberapa tujuan modul ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan guru tentang ESD, memberi bimbingan kepada guru di Kuantan Singingi dalam proses pembelajaran ESD serta melahirkan murid yang memiliki pengetahuan dan kecakapan dalam mengatasi isu kelestarian (WWF Riau: 2022). Terdapat banyak kajian yang menjelaskan bahawa bahan pengajaran tematik yang berorientasikan ESD dan guru yang terlatih untuk mengajar ESD menjadi amat penting bagi menjayakan hasrat tersebut (Sahin, E: 2016, R.A.S Jhonston: 2018 dan UNESCO: 2020). Oleh itu, modul pengajaran hendaklah dirancang agar ia sesuai dengan prinsip dan kriteria ESD supaya implementasi ESD didalam aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan optimum dan memberikan impak positif kepada pelajar.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTON KAJIAN

Sumber pembelajaran seperti modul banyak membantu institusi pendidikan untuk melaksanakan ESD dalam bilik darjah (Mohamadnia & Moghadam, Farzane:2019). Saat ini, di Kuantan Singingi, sumber pembelajaran yang disepadukan dengan ESD masih sangat kurang (WWF Riau :2022) kerana ramai penulis dan penerbit mengalami kesukaran menterjemahkan karakter abstrak, holistik, dan multidimensi ESD dalam sebuah bahan pembelajaran (R.A.S Jhonston: 2018). Walau bagaimanapun, menurut laporan UN-ESD, modul ESD mempunyai pendekatan yang lemah kerana ia tidak memberi jaminan pihak berkepentingan melaksanakan ESD pada peringkat pengurusan (UNESCO 2014:8). Hal ini selari dengan SEAMEO (2018) yang menyatakan bahawa banyak panduan ESD dibuat agar para guru dan pelajar tidak kekurangan bahan pembelajaran dan pengajaran. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan pendapat tentang peranan modul, memastikan prinsip dan kriteria ESD dalam modul yang digunakan amat penting kerana ia memberikan pengaruh pada pengajaran. Justru itu, kajian ini meninjau komponen ESD yang terkandung dalam *“Modul Tematik Prakarya, Seni Budaya dan Budaya Melayu Riau Berbasis Muatan lokal Kuantan Singingi”*, menentukan tingkah laku pelajar yang berkaitan ESD dan menganalisis pengetahuan para guru terhadap komponen ESD.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian ini memiliki tiga objektif utama yang memfokuskan untuk mengenal pasti komponen pendidikan bagi pembangunan lestari (ESD). Walau bagaimanapun, didalam pembentangan ini hanya dua objektif yang akan dibahas iaitu objektif pertama untuk mengenal pasti komponen ESD yang terkandung dalam “*Modul Tematik Prakarya, Seni Budaya dan Budaya Melayu Riau Berbasis Muatan lokal Kuantan Singingi*” dan objektif ketiga ialah menentukan tahap pengetahuan para guru terhadap ESD.

### 4. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kualitatif. Bagi menjawab objektif kajian pertama, analisis dokumen *Modul Tematik Prakarya, Seni Budaya dan Budaya Melayu Riau Berbasis Muatan lokal*” gred 7, 8, dan 9 dilakukan secara tematik menggunakan kerangka kerja UNESCO Asia dan Pasifik (2005). Kerangka kerja UNESCO Asia dan Pasifik (2005) menjelaskan 11 elemen ESD iaitu: Maklumat dan kesedaran, Sistem Pengetahuan, Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar, Keamanan dan Keseksamaan, Konteks Tempatan, Transformasi, Budaya, Kesihatan, pendidikan alam sekitar dan Penglibatan Pemimpin. Kemudian, kaedah temu bual semi berstruktur (*semi-structure interview*) dilaksanakan untuk mendapatkan data mengenai pengetahuan guru-guru terhadap komponen ESD setelah proses pengajaran modul tersebut. Soalan temu bual terdiri dari 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi informan manakala bahagian B merupakan pengetahuan informan mengenai ESD. Populasi kajian ini adalah guru-guru yang berasal dari 14 sekolah. Seramai 3 informan dalam kajian ini dikaji secara mendalam dengan menggunakan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Informan ialah guru yang menggunakan modul tersebut untuk mengajar, sehingga daripada populasi 14 sekolah hanya terpilih 3 guru. Semua maklumat kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVIVO.

### 5. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

